



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PRODUKSI DAN BAKAT TEMPATAN DIiktiraf di Pentas Dunia

Saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada Teng Poh Si dan Cheyenne Tan, dua orang penerbit filem dari Malaysia yang berpengkalan di Amerika Syarikat kerana berjaya menghasilkan sebuah filem dokumentari yang telah dicalonkan sebagai finalis dalam kategori Dokumentari Terbaik - Subjek Pendek (Best Documentary Short Subject) di Anugerah Akademi (Oscars) ke-92.

Anugerah Akademi (Oscars) adalah acara anugerah industri filem yang berprestij di dunia anjuran Academy of Motion Picture Arts and Sciences (AMPAS) yang bakal berlangsung di Hollywood, Amerika Syarikat pada 9 Februari 2020. Acara anugerah ini juga akan disiarkan secara langsung ke 122 negara dan wilayah di seluruh dunia.

Filem dokumentari 25-minit bertajuk 'St. Louis Superman' arahan Smriti Mundhra and Sami Khan ini mengisahkan perjalanan hidup Franks Jr, seorang aktivis dan penyanyi rap berbangsa Amerika yang bertanding sebagai Dewan Perwakilan Missouri (House of Representatives) pada tahun 2016 dan memenangi kerusi itu.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada syarikat Les' Copaque Production, penerbit bagi filem ‘Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal’ kerana menjadi filem animasi Malaysia pertama disenarai pendekkan untuk pencalonan awal bagi kategori Filem Cereka Animasi Terbaik di Oscars bersama 31 filem animasi antarabangsa yang lain. Walaupun tidak berjaya memasuki peringkat lima terbaik, kejayaan filem animasi tempatan yang menembusi platform antarabangsa seperti ini adalah amat membanggakan.

Tidak ketinggalan juga adalah filem cereka dokumentari ‘M For Malaysia’ arahan Dian Lee dan Ineza Roussille yang telah dipilih secara rasmi bagi mewakili Malaysia dalam kategori Filem Cereka Antarabangsa Terbaik (International Feature Film). Walaupun tidak diumumkan sebagai finalis akhir, filem yang mengetengahkan kisah perjuangan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad bersama Pakatan Harapan sewaktu memenangi Kempen Pilihan Raya Umum ke-14 telah meraih sambutan yang baik apabila ditayangkan di Malaysia serta berjaya menembusi beberapa festival filem antarabangsa.

Baru-baru ini juga, filem tempatan, ‘Guang’ arahan Quek Shio Chuan telah memenangi anugerah Filem Cereka Terbaik dan Lakonlayar Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik ke-59 di Macau. Kejayaan filem bertemakan isu autisme itu adalah kejayaan sulung yang diraih negara untuk kategori ini sepanjang pengajuran festival dari edisi pertama di Tokyo pada tahun 1954.

Saya amat bangga dengan pencapaian mereka dan ingin mengucapkan SYABAS. Kesemua pencapaian ini adalah pengiktirafan kepada industri kreatif negara yang sentiasa menghasilkan pelbagai karya berkualiti di samping menonjolkan potensi serta bakat karyawan Malaysia di peringkat global.

Saya berharap semua pihak yang berkepentingan terus memperkasakan usaha bagi meningkatkan industri kreatif negara di peringkat domestik dan seterusnya memacu kejayaan di peringkat antarabangsa.

**GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**15 JANUARI 2020**